

# Konflik kendiri dalam konflik interpersonal



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

15.5.2013

SETIAP manusia yang wujud di muka bumi ini mempunyai banyak perbezaan yang ketara antara satu sama lain. Perbezaan tersebut boleh dikategorikan kepada minat, matlamat, ideologi, kepercayaan dan nilai.

Perbezaan ini boleh membawa kepada konflik kerana masing-masing saling bersaing untuk mencapai kehendak peribadi mereka sendiri. Fenomena konflik ini selalu berlaku dalam diri sendiri dan dalam hubungan antara individu kerana setiap individu memiliki idea, personaliti, konsep dan nilai kendiri serta emosi yang berbeza. Justeru itu nilai kendiri

dan interpersonal individu adalah penting dalam mengendalikan konflik tersebut. Konflik selalu dianggap sebagai perkara negatif dalam hubungan antara individu. Tidak ramai yang dapat mengendalikan konflik kendiri dan konflik interpersonal sehingga konflik-konflik berkenaan memberi kesan yang positif.

Konflik adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan namun begitu konflik menjadi sumber yang proaktif kepada tingkah laku individu dan antara individu. Menurut Roark dan Wilkinson, konflik kendiri dan interpersonal adalah wujud secara semulajadi dalam diri seseorang manusia dan boleh berlaku dalam pelbagai situasi sama ada sedar mahupun tidak sedar. Oleh yang demikian terdapat pelbagai konflik yang berlaku

dalam kehidupan seseorang sama ada dalam dirinya mahupun persekitarannya. Namun ada juga yang melihat konflik tersebut sebagai usaha atau perjuangan melalui nilai dan tuntutan untuk mendapatkan sumber yang terhad seperti sumber semulajadi, status dan kuasa menggunakan pertentangan untuk menstabilkan, mencederakan atau menghapuskan lawan.

Perselisihan mungkin berlaku disebabkan penyalahafsiran terhadap makna yang disampaikan, sebagai contohnya dalam kempen politik yang diadakan akan timbulnya konflik. Setiap pihak yang berkempen akan memperteguh pendirian masing-masing sehingga saling menyalahkan antara satu sama lain demi meraih kepercayaan dan mendapatkan undi daripada

pengundi kelak. Keadaan ini akan menimbulkan kekeliruan kepada para pengundi dalam memastikan antara fakta, mahupun manifesto yang sekadar retorik semata-mata. Justeru itu secara tidak langsung ia juga mengundang konflik peribadi masyarakat antara percaya mahupun tidak kepada sesetengah manifesto yang tidak dibumi yang nyata. Namun begitu konflik kendiri boleh diatasi sekiranya diri sendiri bersedia untuk lebih memajukan ilmu pengetahuan dengan membuat lebih banyak pembacaan, meneroka permasalahan yang dihadapi secara kritis dan menganalisis setiap isu yang ditimbulkan. Selain daripada itu perlukan bukti-bukti yang kukuh untuk menambahkan kepercayaan terhadap sesuatu isu dalam memberikan ketenteraman kepada manusia yang hanya

percaya kepada retorik sahaja. Nescaya dengan kaedah tersebut akan memberikan impak yang besar kepada kendiri yang dimiliki.

Konflik antara individu ada hikmahya kerana ia bukan sekadar unsur yang boleh melemahkan lawannya sebaliknya memberi ruang kepada individu tersebut mematangkan fikiran dalam hubungan antara individu. Sebagai contohnya konflik yang berlaku dalam pasangan suami isteri sebenarnya memberikan peluang kepada pasangan tersebut mencari kelemahan masing-masing dan memahami siapa pasangannya. Keadaan konflik ini sekiranya diambil secara positif akan dapat meningkatkan hubungan kepada pasangan kerana tidak perlu hipokrit atau berpura-pura dalam perkahwinan mereka.

Konflik memberi peluang kepada diri untuk memperbaiki diri sendiri dan membina semula rasa cinta dan kasih sayang kepada pasangan. Maka tanpa konflik hidup seperti hambar dan graf hidupnya amat malar. Justeru itu konflik menjadi perangsang dalam menguatkan diri dan bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik. Transformasi diri lebih baik daripada mentransformasi orang lain. Maka sempena menyambut Hari Pekerja pada tahun ini transformasi diri daripada suka menghabiskan masa dilaman sosial dan membuang masa di pejabat kepada budaya kerja berteraskan integriti ketuhanan supaya hidup lebih diberkati dan konflik kendiri dan interpersonal juga dapat diminimumkan.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS.